



KAJIAN PERBANDINGAN PENTERJEMAHAN KATA NAMA ARAB-MELAYU MENGGUNAKAN 'GOOGLE TRANSLATE' DAN 'MICROSOFT BING'

(Comparative Analysis of the Translation of Arabic Nouns into Malay using Google Translate and Microsoft Bing)

Ijlalina Nadzirah Md Yunos^{1*}, Muhamadul Bakir Yaakub¹, Muhamad Alif Sismat¹

¹ Faculty of Arabic Language, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE1310 Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

*Corresponding AuthorEmail: ijlalinayunos@gmail.com

Received: 5 August 2022 • Accepted: 29 October 2023 • Published: 31 October 2023

Abstract

Advancements in the world of information technology and communication have direct and indirect effects on today's translation activities. This situation significantly influences the general public, especially Malay students, to use machine translation. This is because it is fast, easy, and free to use for meeting their daily life and learning needs. Among the machine translation search engines used are 'Google Translate' and 'Microsoft Bing Translator'. This research corpus focuses on the research aspect of translating noun forms such as relative, demonstrative, superlative, and interrogative found in the text of the book "al-Azkar" hadith into the Malay language. The theory of semantic and pragmatic translation introduced by Newmark forms the main basis for the analysis. The research findings show that there are several differences, weaknesses, and shortcomings that can lead to errors in meaning in the translations from 'Microsoft Bing Translator' (MB) compared to 'Google Translate' (TG). Among these are the selection of inappropriate vocabulary equivalents and the addition of auxiliary words in the Malay translations. This demonstrates that there are differences in software data between Google Translate and Microsoft Bing Translator.

Keywords: *Google Translate; Microsoft Bing Translator; Noun Forms; Semantics; Pragmatics*

Abstrak

Kemajuan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi membawa kesan secara langsung dan tidak langsung kepada aktiviti penterjemahan hari ini. Keadaan ini banyak mempengaruhi masyarakat umum khususnya pelajar Melayu untuk menggunakan terjemahan mesin. Ini kerana ianya cepat, mudah dan percuma untuk digunakan dalam memenuhi keperluan hidup dan pembelajaran. Antara enjin carian terjemahan mesin

yang digunakan ialah Terjemahan ‘Google’ dan Penterjemah ‘Microsoft Bing’. Korpus kajian ini adalah menjurus kepada aspek penelitian keatas penterjemahan bentuk-bentuk kata nama seperti relatif, tunjuk, superlatif dan interogatif yang terdapat dalam teks hadith kitab al-Azkar kedalam bahasa Melayu. Teori terjemahan semantik dan pragmatik yang diperkenalkan oleh Newmark menjadi asas utama penganalisaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa perbezaan, kelemahan dan kekurangan yang boleh membawa kepada kesalahan maksud dalam hasil terjemahan ‘Microsoft Bing’ (MB) berbanding Terjemahan ‘Google’ (TG). Antaranya ialah pemilihan sesuatu padanan kosa kata yang tidak tepat serta berlaku penambahan kata bantu dalam hasil terjemahan Melayu. Ini membuktikan ada perbezaan data perisian antara Terjemahan Google berbanding dengan Penterjemah Microsoft Bing.

Kata kunci: Terjemahan Google; Microsoft Bing; Kata Nama; Semantik; Pragmatik

Cite as: Md Yunos, I. N., Yaakub, M. B., & Sismat, M. A. (2022). Comparative Analysis of the Translation of Arabic Nouns into Malay using Google Translate and Microsoft Bing. *Asian People Journal*, 6(2), 203-211.

PENDAHULUAN

Aktiviti terjemahan pada masa kini dilihat semakin meluas dan merupakan satu keperluan pada perkembangan manusia kerana ia mampu untuk memberikan kefahaman sesuatu budaya. Aktiviti terjemahan juga semakin pesat berkembang dalam bidang pendidikan (Naimah Kamaruddin dan Harun Baharudin, 2016). Bidang terjemahan kini tidak hanya menjadi perhatian ahli lingusitik yang hanya memberi tumpuan kepada teks agama, sastera, sains dan falsafah sahaja, bahkan meliputi keseluruhan khazanah pengetahuan manusia khususnya dalam hubungan politik dan komersil di seluruh dunia (Kahirunisa Sayed Ibrahim, 2008). Seiring dengan peredaran zaman, penggunaan terjemahan mesin dalam aktiviti terjemahan dilihat sebagai satu alternatif dan alat bantu terjemah dengan memanfaatkan teknologi siber yang sedia ada. Minako O’Hagan (2013) mengatakan bahawa teknologi belum lagi memberikan impak kepada aktiviti terjemahan. Akan tetapi dapat dilihat dewasa ini, penggunaannya meluas dan berkembang dan mampu menterjemah dengan cepat. Selain daripada itu, kebanyakan terjemahan mesin percuma dan mudah diakses di mana-mana.

Penterjemahan mesin ialah sebuah proses pemindahan teks sumber kepada teks sasaran dengan menggunakan perantaraan mesin (Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020), Dengan kata lain, ia merupakan aktiviti terjemahan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain dengan menggunakan terjemahan mesin. Penggunaannya menghasilkan terjemahan teks sasaran secara automatik (Radiah Yussof dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman, 2008). Selain daripada itu, ianya cepat berbanding dengan kaedah terjemahan secara manual (Imran Ho, 2003). Terjemahan mesin membantu dan memudahkan penterjemah dalam aktiviti terjemahan mereka tanpa perlu untuk merujuk kepada kamus.

Walaupun penggunaan terjemahan mesin mudah dan cepat, akan tetapi kualiti hasil terjemahan mesin berbeza dengan terjemahan manusia. Menurut beberapa kajian, antara kelemahan yang ada pada terjemahan mesin ialah dari aspek semantik. Banyak perkataan yang gagal diterjemahkan dengan sempurna dan tepat (Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020; Amin Baharun dan Naimah Abdullah, 2011).

Kualiti terjemahan mesin juga perlu diberi perhatian dalam proses penterjemahan lebih-lebih lagi kepada pengguna yang bukan penterjemah profesional terutama daripada aspek ketepatan makna. Ini kerana fungsi terjemahan berperanan dalam memindahkan maklumat dengan tepat daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain (Zubaidah Ibrahim, 2006).

Pengguna terjemahan mesin mestilah bijak dalam memproses dan berupaya untuk membezakan hasil terjemahan yang tepat dan dapat digunapakai pada teks sasaran. Pengguna tidak seharusnya berharap pada hasil terjemahan mesin semata-mata akan tetapi, pengguna terjemahan mesin harus mengenal pasti bentuk-bentuk kata dan penjenisan makna yang terdapat dalam sesuatu teks sumber sebelum memasukkannya ke dalam terjemahan mesin (Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020). Penterjemah yang baik sewajarnya mampu menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan baik serta arif dengan kandungan bahan teks dan teori serta teknik terjemahan (Mohd Kadir Ngadiron, 2015).

Kesimpulannya, terjemahan mesin perlu seiring dengan terjemahan manusia kerana kewujudannya tidak boleh dinafikan dalam aktiviti terjemahan lebih-lebih lagi pada zaman teknologi ini. Pengguna juga disarankan untuk melihat kepada ketepatan dan kesesuaian pemilihan terjemahan dalam menterjemahkan teks sasaran. Ini kerana salah satu kelemahan terjemahan mesin ialah tidak memahami makna yang dimaksudkan oleh teks sumber.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai dengan terjemahan mesin ini telah banyak dibuat oleh para pengkaji sejak permulaan pembinaan terjemahan mesin. Kajian ini berterusan sehingga ke hari ini khasnya mengenai dengan terjemahan mesin yang paling banyak digunakan iaitu terjemahan Google yang mana dapat dilihat antaranya ialah kajian daripada Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos (2020) yang bertajuk '*Analisis Semantik dan Pragmatik Terhadap Terjemahan Mesin Google Arab-Melayu*' iaitu kajian yang bertujuan untuk melihat kepelbagaian kualiti yang berjaya dihasilkan oleh terjemahan Google. Kajian ini menjadi titik mula pengkaji dalam memberi tumpuan kepada aspek semantik dan pragmatik. Penterjemahan kajian ini melibatkan sampel teks yang melengkap pelbagai bentuk dan jenis kata dan juga frasa. Adapun daripada dapatan kajian ini ialah hasil terjemahan ada yang menyimpang jauh dari makna tersurat dan tersirat kerana kesilapan terjemahan mendominasi kelemahan terjemahan Google jika penggunaanya tidak mengikuti ciri-ciri mesin terjemahan.

Manakala kajian daripada Naimah dan Harun Baharuddin (2016) yang bertajuk '*Penggunaan Google Translate Dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab*' membandingkan tentang hasil terjemahan mesin dan terjemahan pelajar selain bertujuan untuk menentukan tahap penguasaan pelajar dalam terjemahan frasa al-Idafah. Terdapat perbezaan pada hasil terjemahan keduanya iaitu terjemahan pelajar berada pada tahap yang baik dan mempunyai nilai serta kualiti yang lebih baik dari terjemahan Google dari segi ketepatan makna keseluruhan ayat. Kajian ini berpendapat bahawa walaupun terjemahan mesin menghasilkan terjemahan kurang tepat dan perlu kepada penambahbaikan, kewujudannya tidak boleh diabaikan kerana ianya adalah untuk memudahkan kerja-kerja manusia dalam aktiviti terjemahan.

Satu lagi kajian dari aspek semantik dibuat oleh Mohammad Nor Amin dan Naimah (2011) yang bertajuk '*Kesilapan Terjemahan Bahasa Arab – Bahasa Melayu Dalam Ejen Carian Google : Satu Kajian Semantik*'. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana ketepatan dan kesesuaian pemilihan kata dalam terjemahan Arab-Melayu

dan jenis-jenis kesilapan yang berlaku. Antara kesilapan yang berlaku ialah perkataan yang diterjemahkan digantikan kepada bahasa Inggeris dan juga terdapat kelemahan yang terhasil terutama dalam aspek semantik seperti kata nama tunggal, kata kerja, frasa, partikel dan ekspresi. Kajian ini juga mencadangkan bahawa adanya kolaborasi antara pakar bahasa dan pakar IT untuk menghasilkan bahan yang berkualiti serta menepati keperluan.

Kajian tentang Terjemahan Google dan Penterjemah Microsoft Bing dibuat oleh Sharmin Muzaffar dan Pitambar Bahera (2014) yang bertajuk '*Error Analysis Of The Urdu Verb Markers: A Comparative Study On Google And Bing Machine Translation Platforms*'. Kajian ini memfokuskan kepada perbandingan antara dua terjemahan mesin itu. Adapun antara dapatan kajian ini ialah Terjemahan Google (TG) dan Penterjemah Microsoft Bing (MB) mampu untuk memberi hasil terjemahan yang baik akan tetapi, keduanya tidak dapat mengenal pasti maksud tersirat teks sumber iaitu dari aspek semantik. MB memberikan terjemahan yang baik berbanding TG dalam menterjemahkan teks Urdu.

Kajian yang berkaitan dengan kajian teks agama pula dibuat oleh Hafiz Bakar dan Fauzi Jumingan (2015) yang bertajuk '*Terjemahan Kolokasi Arab Melayu dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah SAW*' membincangkan satu jenis kolokasi Arab yang berpadanan dengan kata sendi. Kajian ini meneliti keadaan terjemahan makna yang berlaku apabila kolokasi kata kerja dengan kata sendi Arab diterjemahkan ke bahasa Melayu menggunakan teori terjemahan semantik dan komunikatif yang digunapakai oleh Newmark. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terjemahan semantik mendominasi terjemahan komunikatif pada terjemahan teks hadith bagi kolokasi kata kerja yang berpadanan dengan kata sendi. Fungsi teks juga boleh berubah makna berdasarkan kepada konteks ayat dan maksud yang dikehendaki.

Usaha tentang kajian yang berkaitan dengan terjemahan teks agama menggunakan terjemahan mesin ada dibuat oleh beberapa pengkaji. Antaranya ialah kajian daripada Siti Syakirah Sazali, Nurazzah Abdul Rahman dan Zainab (2020) bertajuk '*Characteristic of Malay Translated Hadith Corpus*' yang meneliti pada sistem terjemahan mesin dalam menterjemah teks hadith. Manakala kajian daripada Atef Odeh AbuSa'aleek (2016) yang bertajuk '*The Adequacy and Acceptability of Machine Translation in Translating the Islamic Texts*'. Kajian ini membincangkan tentang ketepatan dan keberhasilan terjemahan mesin dalam menterjemahkan teks agama melalui Terjemahan Google (TG), Penterjemah Microsoft Bing (MB), Penterjemah Babylon (PB) dan Penterjemah Word Lingo (WL). Kajian ini memfokuskan pada aspek *readability*, *fidelity*, *syntax* dan *overall evaluation*. Antara keempat terjemahan mesin ini, TG mendapat nilai peratus yang paling dan diikuti oleh MB.


Secara keseluruhannya, kajian tentang terjemahan mesin juga semakin berkembang selaras dengan penggunaannya dalam aktiviti terjemahan. Melihat pada kepentingannya, ia dapat membawa kepada penambahbaikan pada sistem terjemahan mesin disamping memberi kesedaran kepada pengguna bahawa walaupun ia sebagai alat bantu terjemah, pengguna hendaklah menggunakannya dengan lebih waspada dan tidak mengambil hasil terjemahan mesin tanpa mengira maksud tersirat atau tersurat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Penganalisan data kajian merupakan sampel teks-teks hadith yang dipilih secara rawak dari Kitab al-Azkar karangan Imam an-Nawawi. Analisis sampel kajian dihadkan pada tajuk ke-16 iaitu Kitab Hifzul Lisan. Kitab al-Azkar ini mempunyai 18 tajuk besar dan Imam an-Nawawi

menggunakan istilah ‘كتاب’ bagi menamakan tajuk-tajuk yang besar. Di bawah ‘كتاب’ ini ada beberapa bab bagi setiap tajuk.

Analisis data melibatkan perbandingan antara dua mesin terjemahan iaitu Terjemahan ‘Google’ (TG) dan Penterjemah ‘Microsoft Bing’ (MB). Dalam kajian ini, pengkaji tidak menumpukan pada sistem terjemahan mesin akan tetapi memfokuskan pada aspek semantik dan pragmatik yang dihasilkan melalui bentuk-bentuk kata nama seperti relatif, tunjuk, superlatif dan interogatif. Proses penganalisan dibuat seperti digambarkan dalam bentuk cara aliran dibawah:



Rajah 1: Aliran Proses Perbandingan Terjemahan ‘Google’ dan Penterjemah ‘Microsoft Bing’

Penterjemahan TG dan MB dipaparkan dalam bentuk jadual sebelah-menyebelah bagi melihat lebih jelas hasil terjemahan kata nama dari bahasa Arab ke bahasa Melayu selain daripada memudahkan dalam membuat perbandingan antara keduanya.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melihat kepada kepelbagaian makna dan mencuba untuk memberikan penilaian serta menganalisis hasil

terjemahan TG dan MB dari aspek semantik dan pragmatik. Apa yang dimaksudkan dengan unsur semantik dan pragmatik disini ialah sesuatu teks sumber itu dipindahkan kepada teks sasaran dengan mengekalkan kedua-dua unsur tersebut sepertimana ianya terdapat dalam teks sumber (Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020). Dengan kata lain, nilai semantik mewakili penggunaan sesuatu kata mengikut konteks asalnya, sementara nilai pragmatik pula memperlihatkan penggunaan sesuatu kata itu dipengaruhi oleh konteks luaran bahasa itu ketikamana ianya digunakan (Peter Newmark, 1981). Kajian ini memfokuskan dalam menerjemahkan jenis perkataan dan bukan terjemahan yang berbentuk ayat ataupun jumlah.

Sebagai contoh, perkataan (الَّذِي) yang telah diterjemahkan oleh TG ke dalam bahasa Melayu tidak mengekalkan aspek semantik (S) akan tetapi mengekalkan aspek pragmatik (P) yang boleh difahami oleh pembaca berbahasa Melayu. Ini kerana ada tambahan perkataan ‘mana’ pada ‘yang’. Perkataan ‘mana’ di dalam bahasa Arab membawa maksud kata tanya ‘أين’ dan jika diterjemahkan semula ke dalam bahasa arab akan menjadi ‘الذي أين’. Ini membawa kepada perubahan makna teks sumber yang asal. Lantaran itu, ianya telah ditandakan dengan tanda (x). Sementara perkataan (الَّذِينَ) terjemahan yang diberikan oleh TG mahupun MB mengekalkan aspek semantik dan pragmatik dan diberikan tanda (√). Ini kerana “yang” di dalam bahasa melayu memang membawa maksud pada kata nama relatif. (Lihat Jadual 1)

Jadual 1: Hasil Terjemahan TG & MB keatas Kata Nama Relatif

Teks sumber	TG	(S)	(P)	MB	(S)	(P)
1 الَّذِي	Yang mana	×	✓	Yang	✓	✓
2 الَّذِينَ	Yang	✓	✓	Yang	✓	✓

Melihat kepada jadual di atas, TG dan MB memahami teks sumber walaupun di dalam bahasa arab ada perbezaan penggunaan antara kata nama relatif dari segi bilangan iaitu 1.1 membawa kepada makna tunggal dan 1.2 membawa kepada makna jamak. Akan tetapi tiada perbezaan dari segi bilangan pada bahasa Melayu.

TG juga ada membuat penambahan perkataan ‘mana’ iaitu sebagai kata bantu. Akan tetapi perkataan mana itu membawa maksud yang lain dalam bahasa Arab iaitu sebagai kata nama interogatif dan kalau diterjemahkan perkataan mana itu menjadi ‘aina’ dan membawa kepada terjemahan ‘allazi aina’. Walaupun tidak membawa kepada makna yang tepat dari segi semantik akan tetapi, TG mampu memberikan makna pragmatik. Di sini dapat dilihat TG dan MB tidak membezakan dari segi perkataan tunggal dan jamak pada kata nama relatif.

Jadual 2: Hasil Terjemahan TG & MB keatas Kata Nama Tunjuk

Teks sumber	TG	(S)	(P)	MB	(S)	(P)
1 هَذَا	Ini	✓	✓	Ini yang satu	×	×
2 هَؤُلَاءِ	ini	✓	✓	Ini	✓	✓
3 هَاهُنَا	di sini	✓	✓	Sini	×	✓
4 ذَلِكَ	itu	✓	✓	Yang	×	×

Bahasa Arab dan bahasa Melayu mempunyai pembahagian yang sama pada kata nama tunjuk iaitu kata nama tunjuk hampir dan jauh. Walaupun bahasa Melayu tidak membahagikan dari segi bilangan akan tetapi TG dan MB masih mampu untuk mengekalkan aspek semantik dan pragmatik di dalam terjemahan. Manakala MB pula tidak memberikan terjemahan yang tepat berdasarkan pada hasil terjemahan MB yang tidak memberikan kedua aspek. Contohnya: 2.1, MB menambah perkataan ‘ yang satu ‘ yang bila diterjemahkan kembali menjadi ‘هنا واحد’

dan tidak membawa kembali kepada makna teks sumber yang asal. Oleh itu MB tidak memberikan makna semantik dan pragmatik pada kata nama tunjuk hampir. Manakala MB juga memberikan kosa kata yang tidak tepat pada 2.4.

Di sini kita dapat lihat perbezaan antara TG dan MB dalam menterjemahkan kata nama tunjuk iaitu MB hanya mampu memberikan dari aspek keduanya pada satu contoh saja manakala TG mampu untuk memberikan terjemahan yang tepat dan dari segi semantik dan pragmatik. Pengguna perlu tahu untuk menilai dan membezakan penggunaan kata tunjuk arah pada hasil terjemahan mengikut konteks ayat.

Jadual 3: Hasil Terjemahan TG & MB keatas Kata Nama Interogatif

	Teks sumber	TG	(S)	(P)	MB	(S)	(P)
1	ما	Apa	✓	✓	Apa	✓	✓
2	أين	Di mana	✓	✓	Di manakah	✓	✓

Melihat pada jadual di atas, TG dan MB berkemampuan untuk memberikan terjemahan yang tepat sekaligus memberik makna dari aspek semantik dan pragmatik.

Perbezaan yang dapat dilihat adalah pada pemilihan dan padanan perkataan pada contoh 3.2 yang mana MB menambah perkataan 'kah' pada terjemahan akan tetapi ianya tidak memberikan kesan ataupun menukar makna teks sumber asal.

Jadual 4: Hasil Terjemahan TG & MB keatas Kata Nama Superlatif

	Teks sumber	TG	(S)	(P)	MB	(S)	(P)
1	أكثر من	lebih daripada	✓	✓	Lebih daripada	✓	✓
2	أكبر	Lebih besar	✓	✓	Besar	✓	✓
3	أعلم	Memaklumkan	×	×	saya tahu	×	×

Daripada jadual 4 di atas, dapat dilihat bahawa TG dan MB mampu untuk memberikan terjemahan yang tepat pada Kata Nama Superlatif. Melihat pada contoh 4.3, MB menterjemahkannya sebagai kata kerja. Ini disebabkan bentuk kata nama itu sama dengan kata ganti nama pertama + kata kerja dalam bahasa arab. Manakala TG menterjemahkan dengan menggunakan kata kerja. Ini disebabkan derivasi bahasa arab yang menggunakan satu asas huruf yang sama. Walaupun dari segi bentuk perkataan ianya memberi makna yang sesuai, akan tetapi ianya bukan maksud terjemahan yang diinginkan oleh teks sumber.

KESIMPULAN

Daripada penganalisaan di atas, beberapa rumusan telah dikenal pasti. Antaranya ialah penggunaan kamus tidak cukup untuk membantu dalam aktiviti terjemahan dan tidak mampu untuk menyampaikan makna yang dimaksudkan dalam teks sumber kerana perbendaharaan kata yang terhad. Akan tetapi ia dapat digunakan sebagai rujukan. Terjemahan mesin juga dianggap sebagai alternatif yang dapat membantu penterjemah ataupun pengguna bagi menterjemah sesuatu perkataan atau jumlah dengan cepat dan mudah.

Walaupun penggunaan terjemahan mesin dilihat dapat membantu penterjemah ataupun pengguna, ia perlu kepada penelitian terhadap kelemahan dan kekurangan yang ada pada terjemahan mesin. Adapun antara kelemahan

atau kekurangan yang ada pada terjemahan mesin ialah ia tidak dapat beri makna tersirat atau tersurat. Makna yang diberikan pada teks sasaran tidak memberikan makna yang dimaksudkan pada teks sumber.

Dari segi kesesuaian dan ketepatan makna, kualiti yang dihasilkan oleh Terjemahan Google dan Penterjemah Microsoft Bing pada menterjemahkan kata nama Arab-Melayu dilihat pada kadar sederhana. Ini disebabkan oleh teks sumber yang digunakan merupakan teks agama. Walaupun TG dan MB memberikan makna yang betul disebabkan oleh bentuk perkataan teks sumber, akan tetapi terjemahan yang dihasilkan pada teks sasaran tidak memberikan maksud yang diinginkan dan menyimpang dari makna asal. Adapun antara kelemahan TG dan MB dalam menterjemah kata nama am Arab-Melayu ini ialah pemilihan dan padanan kosa kata yang tidak tepat, terjemahan teks sasaran kepada kata kerja, penambahan kata bantu pada teks sasaran serta tidak membezakan antara perkataan tunggal atau jamak. Kelemahan-kelemahan ini membawa maksud bahawa TG dan MB tidak mampu untuk memahami maksud teks sumber pada kajian ini dan menghasilkan kualiti terjemahan yang kurang memuaskan.

Pengguna terjemahan mesin juga menjadi salah satu sebab pada aspek kelemahan yang nampak pada terjemahan mesin. Ini kerana hasil yang diberikan oleh terjemahan mesin tidak diproses dengan baik oleh pengguna yang membawa kepada tanggapan negatif pada terjemahan mesin. Seperti beberapa cadangan yang diusulkan oleh pengkaji sebelum ini, pengkaji juga berharap supaya pakar IT dapat bekerjasama dengan penterjemah dalam menghasilkan terjemahan mesin khas teks agama Arab-Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah, F. H., & Jumingan, M. F. (2012). Terjemahan Kolokasi Arab-Melayu: Satu Kajian Terhadap Google Translate. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusteraan Arab Ketiga*, 30-34.
- AbuSa'aleek, A. O. (2016). 'The Adequacy and Acceptability of Machine Translation in Translating the Islamic Texts'. *International Journal of English Linguistic*, 6(3), 185-193.
- Al-Nawawi, A. Z. Y. (2001). Al-Azkar Al-Nawawiyah. Edisi Tahqiq Amir bin Ali Yasin.
- Baharun, M. N. A. S. & Abdullah, N. (2011). Kesilapan Terjemahan bahasa Arab-bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13*.
- Bakar, H., & Jumingan, M. F. (2015). 'Terjemahan Kolokasi Arab Melayu dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah SAW'.
- Hj Yaakub, M. B., Haji Sismat, M. A., & Hj Md Yunos, I. N. (2020). Analisis Semantik dan Pragmatik Terhadap Terjemahan Mesin Google Arab-Melayu. *Journal Of Arabic Language & Literature*, 2(2), 93-106.
- Ho, I. (2003). Teknologi Terjemahan untuk Pendidikan dalam Era Globalisasi dan Ekonomi Berasaskan Ilmu. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-9*.
- Ibrahim, Z. (2006). Kajian Makna dan Terjemahan. *Seminar Kajian Bahasa dan Terjemahan*.

- Kamaruddin, N., & Baharuddin, H. (2016). Penggunaan Google Translate Dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam*.
- Muzaffar, S., & Bahera, P. (2014). 'Error Analysis Of The Urdu Verb Markers : A Comparative Study On Google And Bing Machine Translation Platforms'.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. New York: Prentice Hall.
- Ngadiron, M. K. (2015). Kertas Dasar ITBM/PPA-15: Sinergi antara Penerbit dan Komuniti Terjemahan. Dalam *Jurnal Penterjemahan Jilid XVII*.
- O'Hagan, M. (2013). The Impact of New Technologies on Translation Studies: A technological turn? *Routledge Handbook of Translation Studies*. London: Routledge.
- Sayed Ibrahim, K. (2008). Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu-Bahasa Jerman Satu Analisis. Universiti Malaya.
- Sazali, S. S., Abdul Rahman, N., & Abu Bakar, Z. (2020). 'Characteristic of Malay Translated Hadith Corpus'. *Journal of King Saud Univerity – Computer and Information Science*, 34(5), 2151-2160.
- Yusoff, R., & Abdul Rahman, W. R. E. (2008). Analisis Padanan Makna dalam Terjemahan Berbantuan Komputer. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11*.